



Headline	Misi KLHC kekal trofi LHM tidak terjejas		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Mar 2013	Color	Black/white
Section	Sukan	Circulation	192,982
Page No	48	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	124 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,175
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,524



Misi KLHC kekal trofi LHM tidak terjejas

Kuala Lumpur: Terlepas trofi sumbangsih tidak memberi sebarang petanda buat juara bertahan, Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) untuk tidak diletakkan sebagai pasukan pilihan merebut kejuaraan Liga Hoki Malaysia (LHM), musim ini.

Dalam pemburuan kejuaraan kali keempat berturut-turut, KLHC yang turun tanpa kehadiran enam tonggak utama yang juga pemain kebangsaan pada perlawanan sumbangsih kelmarin masih belum cemas apabila kalah kepada pasukan pilihan, Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Kutip mata lebih penting

Jurulatihnya, Muhammad Dhaarma Raj Abdullah berkata kalah pada perlawanan

	P	M	S	K	J	B	Mt	
Maybank	2	2	0	0	7	4	6	tidak memberi
KLHC	2	1	1	0	8	3	4	impak buat pa-
UniKL	2	1	0	1	2	6	3	sukannya kera-
TNB	2	0	2	0	7	7	2	na mereka tewas
T'ganu	2	0	1	1	5	6	1	2-3 pada penen-
Nur Insafi	2	0	1	1	2	3	1	tuan pukulan
Sapura	2	0	1	1	4	6	1	penalti dan sebe-

“Yang penting bagi kami adalah masih memperoleh satu mata daripada perlawanan itu dan secara keseluruhannya memperoleh empat mata pada minggu pertama perlawanan. Ini hanyalah perlawanan pembuka tirai dan bagi kami pungutan mata lebih penting,” katanya mengenai KLHC yang kini di kedudukan kedua LHM di belakang Maybank dibezakan dengan dua mata.

Dhaarma berkata persembahan pasukannya mampu menjadi lebih baik memandangkan pemain pasukan itu baru satu hari menjalani latihan bersama kerana pemain importnya dari Australia dan Pakistan baru tiba ke negara ini.